



SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 13 September 2023 (Rabu)

Tender adalah dipelawa daripada Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106 dan 210107 seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
<p>[FTA(CPTPP)] Perkhidmatan Mengkaji, Mereka Bentuk, Membangun, Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Mengintegrasikan, Menguji Dan Mentauliah Peralatan ICT Dan Hospital Information System (HIS@KKM) Secara Pengkomputeran Awan Untuk Hospital Di Negeri Sembilan, Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Kontrak 36 Bulan (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang <a href="https://moh.gov.my">https://moh.gov.my</a>) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG]</p> <p>No. Tender : QT23000000022612</p>	66/2023	<p><u>Lawatan Taklimat</u> Tarikh : 18 September 2023 Masa : 10.00 pagi Tempat : Dewan Serbaguna, Aras 8, Blok E7, Kementerian Kesihatan Malaysia</p>	<p>1. Petender yang berminat <b>DIWAJIBKAN</b> hadir ke sesi taklimat dan lawatan tapak yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Petender hendaklah membawa bersama Cop Rasmi Syarikat, Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan) semasa sesi taklimat berkenaan.</p> <p>2. Syarat menghadiri taklimat/lawatan tapak:-</p> <p>i) Hanya PENAMA di dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) SAHAJA yang boleh hadir ke sesi taklimat/ lawatan tapak.</p> <p>ii) PENAMA wajib membuat pengesahan DOKUMEN di atas bagi mengesahkan kehadiran di sesi taklimat tender.</p> <p>3. Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP</p>	Secara ePerolehan

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
			<p>seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;</li> <li>ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan pembaharuan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;</li> <li>iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference – MOP</i>) syarikat tempatan /syarikat dari negara ahli FTA; dan</li> <li>iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)</li> </ul>	

**\* PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN**

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastaaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **13 September 2023 (Rabu)** dengan melayari [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **30 Oktober 2023 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

**Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.**